

Kuala Lumpur: Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA) yang mula dibangunkan tepat pada masanya kerana mengikut peredaran masa dan mengambil kira semua aspek dari segi kegunaannya.

Timbalan Pengarah Pengembangan Atlet dan Staf Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Hanafiah

Beri nilai tambah buat pembangunan sukan

Ayub (**gambar**) berkata, dengan adanya fasiliti seperti di KSSA, ia akan memberikan nilai tambah kepada pembangunan sukan.

"Ia kena dijadikan satu bentuk industri yang memberi nilai tambah kepada pengurusan fasiliti. Contohnya bila adanya fasiliti ini, orang akan datang. Jadi, dimaksimum-

kan penggunaannya.

"Selepas itu, adanya bahagian ekosistem orang datang nak makan, minum dan sebagainya. Kalau tanya kepada saya secara peribadi, ia akan memberi nilai tambah ke-

pada pembangunan sukan itu sendiri," katanya.

Beliau turut berpandangan KSSA akan membantu ekonomi masyarakat setempat.

"Katalah tempat meletakkan kenderaannya, boleh dibuat kawasan *food truck* untuk orang berniaga," katanya.



PEMBANGUNAN KSSA dijangka siap pada 2029.